

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan:**

- (a) apakah hasil laporan siasatan ke atas kejadian pencemaran Sungai Kim Kim yang berlaku pada Mac 2021; dan
- (b) apakah tindakan serta langkah-langkah yang diambil agar kejadian seperti itu tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, tidak ada sebarang insiden pencemaran di Sungai Kim Kim yang melibatkan kesihatan awam pada Mac 2021. Namun, saya percaya bahawa soalan ini adalah merujuk kepada insiden pencemaran Sungai Kim Kim seperti mana yang berlaku pada Mac 2019. Untuk makluman dewan jua, bacaan Indeks Kualiti Air yang dipantau pada tahun 2021 menunjukkan status kualiti air berada pada kategori **Bersih** bagi stesen di hulu Sungai Kim-Kim dan **Sederhana Tercemar** bagi stesen di hilir.

2. Seperti sedia maklum, insiden pencemaran Sungai Kim Kim pada Mac 2019 telah menggemparkan seluruh Negara dan melibatkan kesihatan awam. Berikutan insiden tersebut, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membuka Kertas Siasatan ke atas kejadian pencemaran Sungai Kim Kim yang berlaku pada Mac 2019. Hasil laporan siasatan mendapati kes pencemaran wajar diambil tindakan mahkamah di bawah peruntukan undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).

3. Untuk makluman, suspek pencemaran Sungai Kim Kim telah pun dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 24 Mac 2019. Perbicaraan terhadap 4 individu (orang yang disaman) yang menyebabkan pencemaran alam sekitar telah bermula pada 3 Disember 2019 dan telah berlangsung sepanjang tahun 2020 dan 2021. Perbicaraan masih berlangsung sehingga kini dan pihak Mahkamah telah menetapkan untuk sambung bicara diteruskan pada 25 hingga 26 Oktober 2021, 15 hingga 18 November 2021 dan 12 hingga 14 Disember 2021.

4. Secara keseluruhannya, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) secara prinsipnya mengharapkan supaya penjenayah alam sekitar dapat dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab, yang telah mengganggu keharmonian alam sekitar dan menjejaskan kehidupan masyarakat sekitar.

SOALAN NO : 22

5. KASA juga menekankan supaya pesalah-pesalah jenayah alam sekitar ini perlu di bawa ke muka pengadilan sebagai pengajaran dan iktibar kepada semua pihak supaya sentiasa patuh kepada Akta dan Peraturan yang telah ditetapkan dalam pengurusan alam sekitar. Selain itu, KASA juga sedang menambahbaik Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) secara berfasa dan pindaan pada Fasa 1 sedang dalam semakan Jabatan Peguam Negara. KASA menjangkakan pindaan AKAS 1974 (Fasa 1) akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada tahun 2022.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Bagi memastikan insiden pencemaran Sungai Kim Kim tidak berulang serta menambahbaik kelestarian Sungai Kim Kim, antara langkah-langkah yang diambil Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) bagi mengawalselia pencemaran yang berpunca dari kumbahan, KASA sedang melaksanakan pengambilalihan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan pembetulan di kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) oleh pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Dengan pengambilalihan ini, kualiti perkhidmatan pembetulan di MBPG dapat ditingkatkan dan pencemaran terhadap alam sekitar dapat dikurangkan dengan kerja-kerja membaikpulih serta menaiktaraf loji-loji rawatan kumbahan (LRK) yang tidak berfungsi dengan sempurna dan tidak merawat sisa kumbahan mengikut standard yang telah ditetapkan;
- (ii) melaksanakan Program Pembangunan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) atau *National River Trail* yang merupakan salah satu pendekatan *Nature-Based-Solutions* (NBS) bagi menangani masalah pembuangan sisa secara haram. Untuk makluman KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang membangunkan DSK di Sungai Kim Kim;

SOALAN NO : 22

- (iii) dari aspek pemantauan, KASA turut mengkaji semula penempatan lokasi stesen pengawasan kualiti air Sungai Kim-Kim bagi mendapatkan status kualiti air yang lebih baik dan menyeluruh dan seterusnya akan dapat membantu JAS dalam merancang dan mengambil tindakan penguatkuasaan. Pada masa kini hanya terdapat 2 bilangan stesen pengawasan kualiti air manual yang terletak di hulu dan hilir Sungai Kim Kim dan tiada stesen pengawasan automatik di Sungai Kim Kim;
- (iv) melaksanakan program kesedaran yang melibatkan orang awam dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam menjaga kualiti air sungai. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - (a) penganjuran webinar bagi menghebahkan maklumat mengenai tindakan dan peranan pihak-pihak yang terlibat dalam penjagaan kualiti air sungai seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Johor dan Badan Kawal Selia Air Johor; dan
 - (b) melaksanakan program pengawasan kualiti air sungai oleh komuniti setempat bagi membolehkan masyarakat tempatan memantau kualiti air sungai di kawasan mereka dan melaporkan kepada JAS sekiranya berlaku sebarang kes pencemaran dan kemerosotan pada kualiti air sungai untuk diambil tindakan selanjutnya oleh JAS.

Sekian, terima kasih.